

LAWAT GERAI... KY Mustafa melawat gerai makanan serta beramah mesra dengan kakitangan dan alumni UMS.



MERIAH... Antara kakitangan dan alumni yang hadir mengambil gambar kenangan bersama-sama.

# Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Alumni UMS meriah

NST 2.7.2019 6

KOTA KINABALU: Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) berlangsung meriah di Auditorium Pascasiswazah, di sini baru-baru ini.

Pelbagai juadah menjadi menu santapan para hadirin yang terdiri daripada alumni-alumni UMS dan warga kakitangan universiti.

Dimeriahkan dengan 12 gerai makanan, acara itu turut diserikan dengan kehadiran Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk KY Mustafa.

Beliau yang hadir turut diiringi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Dr. Ismail Ali, turut melawat setiap gerai makanan serta beramah mesra dengan para hadirin.

Pada majlis itu turut menyaksikan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS dinobatkan sebagai pemenang gerai tercantik.

Hadir sama pada majlis itu Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni UMS, Prof Madya Dr Lai Yew Meng serta dekan-dekan dan timbalan dekan fakulti.